

Tentang PRULink Equity Fund (PEF)

A. Ketakterimaan wang pelaburan baharu ke dalam PEF

Saiz dana PEF telah berkembang pesat sejak penubuhannya pada 15 Julai 1997 dan hampir mencecah RM11 bilion setakat akhir Disember 2021. Oleh sebab itu, demi mengekalkan saiz dana PEF yang optimum untuk menggalakkan pengurusan dana yang mampan di samping menawarkan potensi prestasi dana yang lebih baik, kami tidak lagi akan menerima wang pelaburan baharu ke dalam PEF bermula 16 Julai 2022.

B. Bagaimanakah impaknya terhadap pelaburan anda?

Susulan penutupan dana sepenuhnya, kami tidak lagi akan menerima wang pelaburan baharu ke dalam PEF berkuat kuasa 16 Julai 2022.

Oleh itu, pelanggan yang mempunyai premium berulang ke dalam PEF dikehendaki untuk menyalurkan premium berulang tersebut ke dalam dana lain selewat-lewatnya pada 4 Julai 2022. Sekiranya anda tidak bertindak sedemikian, maka kami akan melaburkan premium berulang tersebut ke dalam **PRULink Dynamic Equity Fund (PDEF)**. Butiran yang berkenaan boleh didapati di bawah tajuk Bahagian C dokumen ini.

Anda tidak perlu gusar kerana unit pelaburan sedia ada dalam PEF tidak terjejas berikutan ketakterimaan wang pelaburan yang baharu. Anda masih boleh menukar unit pelaburan sedia ada dalam PEF kepada mana-mana dana lain yang disediakan.

C. Apakah pilihan yang ada untuk anda?

Anda boleh memberikan arahan kepada kami berkenaan ke mana premium berulang anda hendak dilaburkan. Anda boleh mendapatkan senarai dana lain dengan merujuk Jadual 3 Polisi anda. Kami juga telah menyediakan dua dana baharu sebagai dana tambahan bagi tujuan menyalurkan premium berulang anda.

Maklumat penting berkenaan dua dana baharu adalah seperti berikut:

| Pilihan Dana | Jenis Dana Ekuiti | Pilihan Dana | Objektif dan Strategi Utama |
|--------------|---------------------------------------------|-------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Pilihan A | Pendedahan kepada ekuiti tempatan sahaja | PRULink Dynamic Equity Fund (PDEF) | <ul style="list-style-type: none">Strategi ekuiti tempatan yang dinamik untuk menjana prestasi pulangan berlebihan melalui pemilihan stok dan peruntukan aset pelaburan yang fleksibel.Tangkas dan fleksibel untuk memanfaatkan momentum pasaran ekuiti tempatan.Tetap fokus pada pasaran ekuiti tempatan. |
| Pilihan B | Pendedahan kepada ekuiti tempatan dan asing | PRULink Equity Plus Fund (PEPF) | <ul style="list-style-type: none">Berupaya mengambil bahagian dalam kedua-dua pasaran ekuiti tempatan dan asing untuk menjana prestasi pulangan yang jauh lebih baik melalui pemilihan stok dan peruntukan aset pelaburan yang fleksibel antara kedua-dua ekuiti tempatan dan asing.Berupaya memanfaatkan peluang pelaburan global yang luas, berbanding pasaran ekuiti tempatan.Berupaya mempelbagaikan risiko dari negara tertentu. |

Anda boleh menyalurkan premium berulang melalui Pilihan A atau B dengan:

- Mengambil langkah berpandukan pautan yang diterima melalui SMS untuk menyempurnakan arahan, atau
- Melengkapkan borang yang diterima berserta surat bercetak

Selain itu, anda boleh menghubungi ejen perkhidmatan/wakil bank untuk menyalurkan pelaburan pilihan anda ke dana lain.

Sekiranya kami tidak menerima arahan untuk menyalurkan premium berulang anda selewat-lewatnya pada 4 Julai 2022, kami akan menggantikan pilihan pelaburan semasa anda daripada PEF kepada PDEF di bawah Pilihan A.

Dalam hal ini, kami akan melaburkan peruntukan peratusan premium yang berkaitan (dimaksudkan untuk PEF) yang dibayar mulai 16 Julai 2022 kepada PDEF. PDEF ialah dana ekuiti tempatan dengan strategi pelaburan dan penanda aras yang sama serta mempunyai caj pengurusan dana sebagaimana pelaburan anda dalam PEF.